

03/11/2003

Aduan salah guna kuasa buang masa

ALOR STAR: Kementerian Dalam Negeri (KDN) menyifatkan tindakan dua parti pembangkang membuat laporan polis terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan menteri Kabinetnya berhubung dakwaan salah guna kuasa, sebagai membuang masa.

Timbalan Menterinya, Datuk Chor Chee Heung, berkata ini kerana rakyat yang biasa cara politik yang dimainkan parti itu di negara ini pasti sedar

perbuatan Pas dan Keadilan itu semata-mata untuk mencari modal politik.

"Perbuatan Pas yang sengaja pilih saat (peralihan jawatan) itu hanya satu tindakan politik yang tidak matang.

"Sebab apa mereka tidak buat laporan polis awal, mengapa nak tunggu penyerahan tugas Dr Mahathir kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, baru mahu lapor," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan Pemuda Pas dan Keadilan membuat laporan polis terhadap Dr Mahathir dan menteri Kabinetnya atas dakwaan salah guna kuasa, kelmarin.

Antara dakwaan ialah mempengaruhi intergriti dan kebebasan kehakiman dalam kes bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menghina dan menyekat Islam dan menghapuskan hak istimewa Melayu dan Bumiputera.

Chor berkata, polis tetap mengkaji laporan yang dibuat mana-mana pihak bagi memastikan keperluan siasatan, sama ada berasas atau tidak.